

Headline	Khyril tekad robek gawang FELDA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	52	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	132 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,625



Khyril tekad robek gawang FELDA

Oleh Bashah Zainol Abidin

Alor Setar: Penjaring dua gol ketika Kedah menewaskan UTM 3-1, Khyril Muhymeen Zambri mahu meneruskan sentuhan pemusnahnya berdepan FELDA United dalam usaha melayakkan diri ke Liga Super musim 2015.

Menurutnya, dia lega kerana akhirnya bebas daripada kecederaan dan berjaya mencipta jaringan.

"Tahap kecergasan saya kini bertepatan ketika menentang UiTM dan mahu meneruskannya menentang FELDA yang kini di tangga keempat Liga Perdana.

"Tambah lagi saya harap dua gol yang dijangka

akan berterusan selepas ke-tandusan jaringan sekian lama," katanya.

Matlamat penyerang kebangsaan itu mahu memastikan Kedah mengutip mata penuh walaupun lawan bukan calang-calang pasukan.

"Apapun tidak kira sama ada saya atau rakan lain menjaringkan gol, yang penting Kedah menang bagi mengembalikan semula keyakinan penyokong Helang Merah," katanya.

Kehadiran semula tiga pemain import Adam Griffith, Jose Franco Gomez dan Billy Osman mengembalikan semula kemantapan Kedah yang sebelum ini dibebani masalah kecederaan.



KHYRIL (kanan) idam kekal sentuhan pemusnah.